

30 APR 1998

Perniagaan-mesyuarat/I

PERBINCANGAN MEJA BULAT AHLI PERNIAGAAN AMERIKA-MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Mesyuarat Meja Bulat Perniagaan Amerika Syarikat-Malaysia yang ketiga Selasa depan akan membolehkan ahli perniagaan Amerika Syarikat mengetahui keadaan sebenar ekonomi negara ini daripada mengetahuinya melalui khabar angin atau media asing.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Datuk Michael Yeoh berkata pertemuan itu akan memberi peluang kepada ahli perniagaan berkenaan mendapat maklumat secara langsung mengenai ekonomi Malaysia dan iklim perniagaan di sini.

"Mesyuarat itu juga akan membolehkan ahli perniagaan dari Malaysia dan Amerika menerokai peluang-peluang baru bagi kerjasama dua hala di samping menggalakkan lebih banyak pelaburan Amerika ke negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Mesyuarat sehari anjuran bersama ASLI dan Majlis Perniagaan Amerika-Asean itu akan dirasmikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena lawatan delegasi Majlis Amerika-Asean ke sini.

Yeoh berkata mesyuarat itu akan memberi tumpuan kepada tiga perkara: "Peluang-peluang Perdagangan dan Pelaburan", "Pemodenan dan Keterbukaan Pasaran Kewangan Di Asia" dan "Peluang-peluang Kerjasama Ekonomi dan Teknikal Dalam APEC

- Pembangunan Sumber Manusia dan Perdagangan Elektronik".

Antara tokoh perniagaan Malaysia yang akan mengambil bahagian dalam mesyuarat itu ialah Penasihat Korporat Kumpulan SungeiWay Tan Sri Ramon Navaratnam, Ketua Pegawai Eksekutif Phileo Allied Bhd Tong Kooi Ong dan Pengerusi Eksekutif Software International Corporation Datuk Alex Lee.

Mereka yang berminat menghadiri perjumpaan meja bulat itu boleh menghubungi Shahira Ahmed Bazari dari ASLI menerusi telefon 03 - 731 7775.

Yeoh berkata delegasi itu juga akan membuat kunjungan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin dan Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Tan Sri Tajudin Ramli.

-- BERNAMA

ra oba